



27 FEB, 2025

Asean perlu ambil langkah pragmatik

Harian Metro, Malaysia



Asean perlu ambil langkah pragmatik

Hadapi ketegangan perdagangan AS-China termasuk tarif baharu



Syarifah Dayana Syed Bakri
melaporkan dari Vietnam

Hanoi

Asean perlu mengambil pendekatan pragmatik dalam menghadapi ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China termasuk tarif baharu dikenakan Washington terhadap beberapa negara Asia.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, meskipun persaingan antara dua kuasa besar itu mencetuskan cabaran ekonomi, Asean boleh mengambil peluang memperku-

kuh kedudukan sebagai pusat pertumbuhan ekonomi dunia.

“Asean perlu segera berunding dengan AS dan mengadakan Sidang Kemuncak Asean-Amerika Syarikat.

“Kita ambil pendekatan pragmatik dalam menjalin hubungan perdagangan, dengan menganggap negara kuasa besar, serta negara kecil sebagai rakan kerjasama dalam usaha ini,” katanya ketika menyampaikan ucap-tama di Forum Masa Depan Asean, di sini, semalam.

Perdana Menteri menegaskan kebergantungan berlebihan kepada satu pasaran atau industri boleh menyebabkan Asean terdedah kepada ketidakten-

tuhan ekonomi global.

Beliau berkata, rantau ini harus membina rantau bekalan lebih kukuh bagi memastikan kestabilan ekonomi jangka panjang.

“Dalam hal ini, Malaysia bersedia memainkan peranan lebih besar dalam memperkukuh pelaburan hijau, tenaga boleh diperbaharui serta ekonomi digital sebagai sebahagian daripada strategi meningkatkan daya saing rantau ini.

“Malaysia, melalui kerangka Malaysia Madani bersedia bekerjasama dalam usaha baharu pelaburan hijau termasuk pertanian regeneratif, tenaga solar, kenderaan elektrik, dan infrastruktur hijau,”

katanya.

Perdana Menteri turut memuji pencapaian Vietnam yang berjaya mencatat pertumbuhan ekonomi 7.0 peratus pada tahun lalu dan menekankan kepentingan kerjasama serantau dalam membangunkan ekonomi Asean yang lebih progresif dan mampan.

Selain menyampaikan ucap-tama, Anwar turut menyertai perbincangan panel bersama Perdana Menteri Vietnam, Pham Minh Chinh; Perdana Menteri New Zealand, Christopher Luxon dan Presiden Timor-Leste, Jose Ramos-Horta.

Lawatan kerja dua hari Perdana Menteri ke Vietnam berakhir semalam.



ANWAR (empat dari kiri) bersama barisan pemimpin yang hadir di Forum Masa Depan Asean kali kedua. Antara pemimpin yang hadir, Perdana Menteri Vietnam, Pham Minh Chinh (lima dari kiri), Perdana Menteri New Zealand, Christopher Luxon (tiga dari kanan) dan Presiden Timor Leste, Jose Ramos-Horta (empat dari kanan).